

26/05/2003

Kumpulan serpihan bagai anai-anai reputkan Umno

Dr Mohd Azam Rauzan

BENARKAH ada kumpulan serpihan dalam Umno? Berat rasa hati untuk membicarakan perkara ini. Bukan berniat membuka semula isu ini selepas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat penjelasan mengenainya, Khamis lalu, tetapi mengharapkan ia jangan lagi dimomokkan.

Umno sebagai wadah politik terulung orang Melayu, sudah melalui itu semua. Jangan lagi sengaja diwujudkan gejala sebegini, atas alasan apa sekalipun.

Perbuatan mendedahkan ribut dalam secawan kopi ini, mungkin dengan niat mahu mencetuskan desakan supaya ahli Umno merapatkan perpaduan parti. Tetapi ia boleh berlaku sebaliknya jika tumpah dan melimpah hingga tidak boleh terkawal.

Ahli Umno sudah menerima padahnya. Orang Melayu seluruhnya juga tidak terkecuali apabila parti itu pecah pada 1987. Sebelum itu sekumpulan ahli memisah menubuhkan Pas pada 1951. Terbaru, krisis menjelang pilihan raya umum 1999.

Memadailah, serik kita dengan apa yang berlaku. Seharusnya tidak ada lagi usaha dan gerakan yang begitu, lebih-lebih lagi dalam peralihan kepemimpinan sekarang.

Lebih penting lagi, Umno dan rakan dalam Barisan Nasional (BN) lain, akan kembali semula kepada rakyat. Mereka perlukan mandat baru tidak lama lagi. Kemudian, ada pula pemilihan parti di peringkat pusat pada tahun depan juga.

Kita perlukan kuasa politik kerana dengan kuasa politik sajalah yang boleh menentukan pencapaian matlamat kita. Lebih kuat kuasa politik kita, lebih mudahlah kita mencapai matlamat yang telah kita tentukan. Jika kuasa politik kita lumpuh, maka segala cita-cita orang Melayu akan menjadi angan-angan semata-mata.

Sebenarnya pilihan raya dan pemilihan parti menjadi puncanya. Seperti kata Dr Mahathir, ada orang yang kecewa dan merajuk kalau tidak terpilih jadi calon dan mereka ini memberi masalah kepada Umno.

Gejala ini menjadi asam garam dalam Umno dan ia memang menjadi duri dalam daging kepada Umno. Kita biasa dengar bilik gerakan ditutup, poster

diturunkan bukan oleh parti lawan, tetapi ahli Umno sendiri.

Pemilihan parti walaupun masih jauh lagi, kita sudah terdengar cerita mengenai si polan menyokong si polan, si anu tidak memihak kepada si anu.

Maka berkeliaranlah broker dan tukang canang, bahkan ada yang berkumpul di sana-sini, seolah-olah menjadi pedagang dengan memperniagakan pemimpin tertentu.

Kalau inilah yang dirujuk oleh Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob sebagai kumpulan serpihan, mereka sebenarnya adalah

anai-

anai yang bukan lagi diam-diam, tetapi terang-terang mereputkan Umno.

Nilai perjuangan berciri destruktif dan negatif yang sedang bergerak dalam parti bak pepatah Melayu, seperti enau dalam belukar, menjadi gunting dalam lipatan, membina istana di pusara kawan, cantas mencantas, membina dinasti dalam kepemimpinan bahagian dan sebagainya harus dihapuskan demi kelangsungan Umno.

Perbuatan mereka ini lambat-laun boleh memecahkan-belahkan parti tanpa mempedulikan cabaran dan masa depan orang Melayu.

Tatkala bangsa, agama bahkan negara terancam dengan suasana dunia tidak

menentu, soal globalisasi yang menekan, mereka lebih sibuk mempercaturkan

siapa patut dan tidak patut disokong atau siapa lebih disukai untuk menjadi pemimpin.

Kriteria mereka pula pelbagai, kadang-kala sukar diterima akal, malah malu untuk diperkatakan. Soal perjuangan, mengutamakan kepentingan ramai serta kejujuran dan nilai murni dikesampingkan.

Dalam keadaan begini, soal adab, adat dan akhlak digadai murah, asalkan

cita-cita untuk berkuasa dapat terus dikejar. Dalam banyak hal, golongan ini mengambil sikap 'matlamat menghalalkan cara' walaupun nilai itu bertentangan dengan agama Islam.

Dalam membicarakan hal ini, teringat saya dengan kata-kata bijak pandai

"kita tak perlu takut pada orang yang biasa kenyang yang tiba-tiba lapar.

Tetapi kita perlu lebih takut pada orang yang biasa lapar yang tiba-tiba kenyang dan mendapat sumber makanan yang banyak."

Fenomena perebutan dan tamak haloba ini boleh menghancurkan dan merobohkan

tamadun manusia. Pelbagai gejala dan angkara yang boleh dicetuskan oleh fenomena ini. Banyak masyarakat dunia hancur akibat perebutan ini.

Jika dihalusi sejarah Umno, ramai yang menjadi mangsa atau setidak-tidaknya terkena tempias akibat perbuatan seumpama ini.

Bukankah dalam keadaan sekarang, orang Melayu perlu bertaut rapat, ahli

Umno pula menumpukan kepada kerja mengukuhkan parti serta memastikan amanah dan janji ditunaikan serta dikotakan.

Bukankah dalam musim peralihan kepemimpinan ini, ia perlu berjalan lancar tanpa menjejaskan kestabilan.